



BIL 4 | JANUARI-DISEMBER 2020

Buletin SWADD

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy



NORMAL BAHARU HADAPI COVID19



Menarik di dalam

Majlis Apresiasi
Penyumbang dan
Petugas Covid-19 >> Ms 9

SWADD menerima Anugerah Khas
Organisasi Kategori Surau Jumaat >> 12



PERHATIAN: Hormatilah dan jagalah kemuliaan isi kandungan di dalam buletin ini.
Elakkan daripada dibuang atau dibiarkan bertaburan di atas lantai.



Setinta Emas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على رسوله الكريم وعلى آله وأصحابه أجمعين

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas berkat limpahan rahmat dan kurniaan nikmatnya, Selawat dan salam ke atas nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan para tabi'in. Firman Allah SWT:

“Dan di antara orang-orang yang Kami ciptakan ada umat yang memberi petunjuk dengan hak (memimpin manusia kepada kebenaran) dan dengan kebenaran itu mereka menjalankan keadilan.”
(Surah Al-A'raf: Ayat 181)

Saya bersyukur kepada Allah SWT buat kali keempatnya, SWADD dapat menerbitkan Buletin SWADD Januari – Disember 2020 untuk tatapan para jemaah sekalian. Walaupun hampir sepanjang tahun 2020 kita diuji dengan wabak pandemik Covid-19, namun SWADD sebagai sebuah Surau Diri Jumaat yang menjadi sebahagian daripada ikon wakaf utama Malaysia iaitu Menara Imarah Wakaf atau Menara Bank Islam telah berusaha untuk menjalankan fungsinya bukan hanya sekadar sebagai tempat solat bahkan sebagai pusat pembangunan rohani, keilmuan dan kebajikan kepada para jemaah dan masyarakat di tengah-tengah kota kosmopolitan termasuk melangkaui sempadan negeri dan negara. Gerak kerja dan sumbangan yang diberikan adalah bertujuan bagi memanjangkan manfaat wakaf (tauzi' al-Waqf) yang mula dipelopori oleh Al-marhum Ahmad Dawjee Dadabhoy dengan mewakafkan tanah ini kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Kemurahan hati para jemaah yang menyumbangkan sumbangan khususnya setiap hari Jumaat dan dengan sokongan pengurusan Bank Islam Malaysia Berhad, SWADD telah berjaya melaksanakan beberapa program besar walaupun berdepan dengan cabaran Covid-19 ini. Antaranya adalah sumbangan yang dilaksanakan SWADD kepada Petugas Barisan Hadapan Negara yang merangkumi keperluan dan juadah berbuka puasa ketika Bulan Ramadhan 1441. Selain itu program-program lain juga telah disemarakkan dan diperincikan dalam buletin ini.


SWADD juga telah melancarkan Musaadah SWADD sebagai satu lagi inisiatif untuk melebarkan impak SWADD merentasi sempadan negeri dan negara. Projek 1 iaitu Pembinaan Surau Saad bin Abi Waqas di Kg Gerowot, Kuala Penyu Sabah telah berjaya disiapkan dan telah memberikan kemudahan kepada 100 orang muallaf di kampung tersebut untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pengimaranan di Surau tersebut.

Dari aspek tata kelola dana awam, sesungguhnya Buletin SWADD ini adalah satu usaha pendedahan dan pelaporan (disclosure and reporting) pengurusan dana yang diamanahkan kepada Jawatankuasa SWADD oleh para jemaah.

Dikesempatan ini juga, saya mewakili Ahli-ahli Jawatankuasa dan Jemaah SWADD ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) kerana memilih SWADD untuk menerima Anugerah Khas Organisasi kategori Surau Jumaat sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan tahun 1442H / 2020M. Sesungguhnya anugerah ini memberikan galakan kepada ahli-ahli jawatankuasa dan jemaah untuk terus memberi dan melaksanakan program-program yang memberi impak positif kepada anggota masyarakat seluruhnya.

Menutup bicara, saya mewakili seluruh Ahli Jawatankuasa dan Pegawai SWADD merakamkan jutaan penghargaan kepada seluruh jemaah SWADD atas sumbangan dan sokongan dalam mengimaraskan SWADD serta usaha-usaha pelebaran manfaatnya kepada Ummah melampaui sempadan Jalan Perak di ibukota ini. Semoga amalan ikhlas ini akan dituai hasilnya di akhirat kelak dengan penuh kegembiraan.

Haji Mohd Nazri Chik
Pengerusi SWADD



VISI SWADD

Menjadi sebagai Surau Jumaat contoh di dalam Wilayah Persekutuan dalam memberi khidmat kepada ummah

MISI SWADD

1. Penghayatan Ibadah
2. Peningkatan Ilmu dan Dakwah
3. Prihatin Ummah
4. Fasiliti yang Efektif dan Kondusif

Sidang redaksi

- Penasihat
Ustaz Haji Mohd Nazri Chik
- Pengurus SWADD
Encik Azmir Abdul Malek
- AJK SWADD

- Ketua Sidang Redaksi
Ustaz Abdulhadi Ab Rahman
- Setiausaha SWADD

- Sidang Redaksi
Ustaz Abdulhadi Ab Rahman
Ustaz Muhammad Syazwan Hamzah
Ustaz Muhammad Nazrie Abdurrahim
Ustaz Yusuf Assiddiq Ahmad Sharkawi
- Rekabentuk & Fotografi
Ustaz Yusuf Assiddiq Ahmad Sharkawi

Sebarang komen atau cadangan penambahbaikan sila hubungi :

Pejabat Pengurusan, Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
Tingkat 15, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur

📞 03-2164 6318/6317

✉️ swaddmbl@gmail.com

🌐 Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy

📷 swadd_mbl

🌐 www.swadd.com.my



CARTA ORGANISASI AHLI JAWATANKUASA

SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY 2020-2023



PENGURUSI
HAJI MOHD NAZRI CHIK
(Pengurus Besar, Hubungan Strategik, Bank Islam)



SETIAUSAHA
USTAZ ABDULHADI AB RAHMAN
(Pegawai Hal Ehwal Islam, SWADD)



TIMB. PENGURUSI
USTAZ SAIFUL ANUAR HAMBALI
(Ketua Bahagian Shariah, Bank Islam)



BENDAHARI
USTAZ MOHAMAD FAIZ IBRAHIM
(Pengurus, Pusat Kewangan Sosial
Bahagian Hubungan Strategik, Bank Islam)

• AHLI JAWATANKUASA •



**ENCIK AZMIR
ABD MALEK**
(Penolong Pengurus Besar,
Pemasaran Perniagaan, Bank Islam)



**USTAZ MOHD JUZAILI
JUHANI**
(Timbalan Pengurus, Pusat Kewangan Sosial
Bahagian Hubungan Strategik, Bank Islam)



HAJI SHAFFIE OSMAN
(Penolong Pengurus,
Pentadbiran Kredit, Bank Islam)



**USTAZ MOHD ZIKRI
MOHD SHAIRY**
(Pengurus Kanan, Pusat Kewangan Sosial
Bahagian Hubungan Strategik, Bank Islam)



**ENCIK MOHD RIZAL
YAHYA**
(Penyelia Bangunan,
THP Services Sdn Bhd)



**ENCIK MOHD NOOR
FITRY RAMLEE**
(Juruteknik THP Services Sdn Bhd)



**PUAN SURYATI
ABU SUJAK**
(Pengurus Kanan, Proses dan Methodologi
Operasi Cawangan, Bank Islam)



PUAN NURIHANI ZAHARI
(Pengurus Kanan, Pentadbiran Am,
Bank Islam)



**PUAN SITI NORAIN
MOHD FAUDZI**
(Pegawai Pemungutan,
Pusat Panggilan Pemungutan, Bank Islam)

• PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM •



**USTAZ MUHAMMAD
SYAZWAN HAMZAH**



**USTAZ YUSOF ASSIDIQQI
AHMAD SHARKAWI**



**ENCIK MUHAMMAD
NAZRIE ABDURRAHIM**



**ENCIK MOHD
SAIFUDDIN WAHAB**



**ENCIK SYAHRIL AZLEE
ABDULLAH**
(Pengurus Kanan, Bahagian Kewangan,
Bank Islam)



**PUAN NOOR RAFIDAH
JACOB**
(Pengurus, Bahagian Kewangan,
Bank Islam)

• NOJA •

• PEMERIKSA KIRA-KIRA •

PEJABAT PENGURUSAN SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY

Level 15, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur | Tel : 03-2164 6317/6318

Email : info@swadd.com.my • Website : www.swadd.com.my

like | share | follow : Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoj



DAURAH KITAB SIFAT 20, SUATU PENGENALAN ASAS

11 Januari 2020 - SWADD telah berjaya menganjurkan program Daurah Kitab Siri 1 yang mengupas Kitab Sifat 20, Suatu Pengenalan Asas bersama dengan Ustaz Muhadir Hj Joll.

Seminar yang berlangsung di Dewan Solat Utama SWADD, Menara Bank Islam ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada kalangan jemaah dan orang awam. Seramai 70 peserta telah berdaftar dan menyertai daurah ini yang mengupas bidang Aqidah dengan menumpukan kepada perbahasan Sifat 20. Sebanyak tiga bahagian telah dibahas dalam diskusi kitab ini.

Bahagian pertama dimulakan dengan menjelaskan perbandingan diantara Ahlus Sunnah Wal Jama'ah dengan golongan Mu'aththilah dan Musyabbiyah. Seterusnya menghuraikan 3 ciri mengenal Allah, sejarah serta penyusun Sifat 20 dan Sifat 20 sebagai cara mengenal Allah.

Pada sesi kedua, para peserta didedahkan mengenai makna sifat Nafsiyyah, Salbiyyah, Ma'ani dan Ma'nawiyah. Ustaz Muhadir juga menerangkan makna Sifat Ma'ani secara terperinci dan peserta sangat teruja dengan menumpukan sepenuh perhatian atas penyampaian yang diberikan oleh Ustaz Muhadir.

Sesi ketiga sebelah petang dirancakkan lagi dengan kupasan dan huriahan ringkas Sifat 20 serta pendekatan Salaf dan Khalaf terhadap nas-nas mutasyabihat. Peserta turut memberikan beberapa persoalan yang berkisar dengan perbahasan tersebut.

"Memiliki Aqidah yang sebenar adalah suatu yang sangat berharga, yang akan menyelamatkan orang yang memilikiinya daripada kekal di dalam neraka" demikian petikan dan pesanan Ustaz Muhadir Hj Joll kepada para peserta Daurah Kitab Siri 1.0. Beliau juga turut menekankan pengajian tentang Aqidah ini perlu dilaksanakan di semua peringkat umur. Turut hadir di dalam program daurah ini Ustaz Mohd Juzaili Juhan, Setiausaha SWADD dan Puan Siti Suryati Sujak, Ahli Jawatankuasa SWADD.



SUMBANGAN KIT IBADAH KEPADА HOSPITAL AMPANG

15 Januari 2020 – SWADD sentiasa mengutamakan ibadah dalam apa jua aspek. Ini terbukti apabila SWADD telah meluluskan sejumlah peruntukan iaitu RM 9,750.00 melalui Persatuan Kebajikan Islam Warga Kerja dan Keluarga Hospital Ampang Selangor (PERKIHA) bagi membeli kelengkapan peralatan ibadah atau Kit Ibadah kepada para pesakit.

Sebanyak 750 unit set Kit Ibadah diperuntukkan kepada para pesakit di Hospital Ampang. Disaat para pesakit sedang menjalani rawatan di hospital tersebut, mereka juga dapat melaksanakan ibadah dengan mudah apabila menggunakan Kit Ibadah tersebut.

Set Kit Ibadah pesakit tersebut mengandungi beg, botol spray wuduk, debu tayamun dan risalah Hospital Mesra Ibadah (HMI) serta Buku Panduan Solat. Pembelian Kit Ibadah ini adalah salah satu perancangan Hospital Ampang untuk mengadakan program kerohanian dibawah program Hospital Mesra Ibadah (HMI) sepanjang tahun 2020.





SUMBANGAN DANA WAKAF TUNAI PROJEK BANGUNAN WAKAF MAIPS PERKHIDMATAN DIALISIS

14 Februari 2020 - SWADD telah menghadiri satu majlis yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat istiadat Melayu Perlis (MAIPs) iaitu Majlis Amal Dana Wakaf Pembinaan Bangunan Wakaf MAIPs yang bertempat di Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur.

Majlis anjuran MAIPs ini dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama Bank Islam Malaysia Berhad, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) dan MyWakaf AIBIM serta rakan-rakan strategik yang lain. Objektif pengajuran majlis amal ini bertujuan untuk mengumpulkan sumbangan dana bagi membiayai Pembinaan bangunan Wakaf MAIPs -Perkhidmatan Dialisis Hospital Tuanku Fauziah di Kangar, Perlis setinggi 2 tingkat dibawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pengerusi SWADD, Ustaz Haji Mohd Nazri Chik diiringi Setiausaha, Ustaz Mohd Juzaili Juhan telah hadir ke majlis ini dengan membawa sumbangan SWADD sebanyak RM 20,000.00 untuk disumbangkan ke pembinaan pusat ini. Sumbangan dilaksanakan di dalam sesi penyerahan mock up cheque yang diserahkan Pengerusi SWADD kepada DYTM Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Majlis ini turut dihadiri oleh DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan DYMM Raja Perempuan Perlis Tengku Fauziah bt Al -Marhum Tengku Abdul Rashid.

Pusat yang merupakan ikon wakaf kesihatan di Malaysia ini bernilai RM6.0 juta. Ianya telah selamat disiapkan dan mula memberi manfaat kepada pesakit dari kalangan asnaf dan B40 mulai Ogos 2020.

SUMBANGAN BERBUKA PUASA KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN

11 -22 Mei 2020 - SWADD dengan kerjasama Movenpick Hotel & Convention Centre telah mengagihkan juadah berbuka puasa kepada petugas barisan hadapan di sekitar KLIA, Sepang, Nilai serta Putrajaya. Sebanyak 2,000 bungkus makanan telah di sumbangkan SWADD secara keseluruhan dimana sebanyak 125 bungkus setiap hari diagihkan kepada agensi-agensi yang berkaitan.

SWADD yang tidak melaksanakan program RamadanFest@SWADD 2020 kerana arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan pandemik Covid-19 telah membantu petugas barisan hadapan dengan penyediaan juadah berbuka puasa ini.

Antara senarai penerima agihan juadah ini adalah Ibupejabat Polis Daerah KLIA, Bomba KLIA, Hospital Putrajaya, Kastam dan Imigresen KLIA serta beberapa pejabat MAHB dan agensi yang lain.

Jumlah keseluruhan sumbangan agihan SWADD ini ialah berjumlah RM 30,000 yang merupakan hasil kutipan dan sumbangan Jemaah SWADD sempena Ramadan 2020.





SEMINAR PEMAHAMAN AKTA/KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM

23 Julai 2020 – SWADD telah dijemput oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk hadir ke Seminar Pemahaman Akta/Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Jawatankuasa Kariah) 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Sekitar 400 orang peserta telah menghadiri majlis ini yang terdiri daripada Pengurus dan Bendahari Masjid dan Surau Jumaat. Pengurus dan Bendahari SWADD telah hadir bagi mendengar taklimat daripada pihak JAWI yang melibatkan 3 pembentangan. Pembentangan pertama bertajuk 'Pengurusan Kewangan Terbaik' telah disampaikan oleh Puan Aniza Abdullah, Pengurus Audit Dalaman MAIWP.

Pembentangan kedua diteruskan oleh Y. Bhg SS Datuk Dr. Luqman Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan yang membentangkan tajuk 'Pengurusan Dana Masjid Menurut Perspektif Syarak' manakala pembentangan terakhir dengan tajuk 'Peranan Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid Menurut Akta 5050 dan Kaedah-kaedah' telah disampaikan oleh Tuan Ramzi Osman, Penasihat Undang-undang JAKIM.

Majlis pada kali ini dirasmikan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). YB Menteri juga turut menyampaikan Watikah Perlantikan Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Jumaat sesi 2020-2023 kepada pengurus-pengurus Masjid dan Surau di Wilayah Persekutuan.

MAJLIS PENYERAHAN SANGKAR PENYEMBELIHAN MUDAH ALIH

27 Julai 2020 - SWADD telah dijemput oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk menyumbang dalam Majlis Serahan Sangkar Penyembelihan Mudah Alih dan Latihan Penggunaan Sangkar Penyembelihan yang bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. BIMB dan SWADD turut menyumbang untuk membiayai sangkar ini sebanyak RM15,000.

Majlis ini dilaksanakan dengan kerjasama JAWI dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Sekitar 100 orang peserta telah menghadiri majlis ini yang terdiri daripada Pengurus-pengurus Masjid dan Surau Jumaat serta wakil-wakil pengendali ibadat korban. Pengisian dimulakan disebelah pagi dengan taklimat asas penggunaan sangkar penyembelihan mudah alih ini yang disampaikan oleh wakil YIM. Seterusnya dilaksanakan sesi demonstrasi kaedah praktikal penggunaan sangkar ini. Sebanyak 2 ekor lembu disembelih bagi memberikan latihan dan gambaran sebenar pengendalian sangkar mudah alih tersebut.

Majlis pada kali ini dirasmikan oleh YB Datuk Haji Ahmad Amzad Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Yayasan Inovasi Malaysia telah menyerahkan sebanyak 10 sangkar kepada pihak JAWI yang telah dibeli oleh masjid-masjid di Wilayah Persekutuan ini.





MAJLIS APRESIASI PENYUMBANG DAN PETUGAS COVID-19

27 Julai 2020 - SWADD telah dijemput hadir ke Majlis Apresiasi Penyumbang dan Petugas Covid-19 yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Majlis yang diadakan pada 12 Ogos 2020 (Rabu), jam 12.00 tengah hari ini bertempat di Hotel Tamu, Kampung Baru Kuala Lumpur.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Sri Dr. Santhara J.P. dan Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib bin Ismail. Pengerusi SWADD, Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, telah hadir mewakili SWADD ke majlis tersebut.

Majlis apresiasi tersebut dianjurkan sebagai penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan misi Musaadah Covid-19 di samping menggalakkan lebih ramai lagi pihak tampil bekerjasama dengan JAWI bagi menyantuni masyarakat yang terkesan dan memerlukan khususnya di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

SWADD menyumbang sebanyak RM50,000 untuk sumbangan Musaadah Covid-19.

Terima kasih kepada jemaah-jemaah SWADD khususnya yang sangat dermawan dan terus menyumbang untuk sama-sama membantu golongan yang memerlukan.



PROGRAM IBADAH QURBAN SABAH

31 Julai 2020 - SWADD dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Sabah telah berjaya menganjurkan Program Ibadah Qurban Sabah bertempat di tiga lokasi pedalaman Sabah iaitu Pensiangan, Tinanduk, dan Salong.

Program yang julung kali diadakan ini, telah dilaksanakan dengan penyertaan peserta-peserta Qurban dari para Jemaah SWADD dengan kos satu bahagian adalah berjumlah RM670. SWADD telah menyerahkan wakalah pelaksanaan korban kepada Tuan Haji Samin Ongki, Pengarah YADIM Sabah dengan disaksikan oleh SS Dato' Haji Bongsu Aziz Jaafar, Mufti Kerajaan Negeri Sabah.

Sebanyak 3 ekor lembu telah berjaya diserahkan kepada pihak YADIM Sabah dengan jumlah keseluruhan adalah RM 14,070.00. Diharapkan program Qurban seperti ini dapat dilaksanakan lagi untuk masa akan datang sebagai acara tahunan SWADD.





SWADD MENERIMA ANUGERAH KHAS ORGANISASI KATEGORI SURAU JUMAAT

12 November 2020- SWADD telah menerima Anugerah Khas Organisasi Kategori Surau Jumaat Sempena Maulidur Rasul SAW Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Tahun 2020. Oleh kerana majlis secara fizikal tidak dapat dilaksanakan kerana mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, Y.Bhg Datuk Mohd Ajib Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah secara peribadi berkunjung ke SWADD untuk menyampaikan anugerah kepada SWADD.

Ustaz Mohamad Faiz Ibrahim, Bendahari SWADD telah menerima plak anugerah daripada Pengarah JAWI.

Turut hadir dalam penyampaian ini ialah Tuan Hanifuddin bin Roslan, Timbalan Pengarah Operasi JAWI, Puan Siti Razmah binti Idris, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Dakwah JAWI dan Puan Nurlaily binti Kamarudian, Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Dakwah JAWI.

Pihak SWADD mengucapkan terima kasih kepada pihak JAWI atas anugerah ini dan Pejabat Pentadbiran Zon 3 telah mencadangkan Surau Jumaat ini bagi mewakili Zon 3 JAWI.

Juga kepada para jemaah SWADD yang telah banyak menyumbang untuk SWADD melaksanakan aktiviti dan sumbangan kepada masyarakat.

SUMBANGAN TABUNG MUSAADAH SURAU SAAD ABI WAQAS, SABAH

Tabung Musaadah SWADD telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mengumpul dana dan derma dari orang ramai bagi membina sesebuah projek ummah.

Oleh itu, Tabung Musaadah SWADD telah mengambil inisiatif untuk membantu membina dan menyiapkan sebuah surau di kawasan pedalaman negeri Sabah. Surau yang bernama Surau Saad Abi Waqas yang terletak di Kampung Kelulud Gorowot, Kuala Penyu, Sabah adalah projek pertama Tabung Musaadah SWADD.

Surau Saad Abi Waqas terletak di sebuah perkampungan pedalaman Sabah ini, akan menjadi pusat aktiviti keagamaan kepada 100 buah keluarga islam dan surau ini dibina oleh seorang mualaf yang bernama Hafiz Chong. Menariknya tanah surau ini adalah hasil pemberian daripada ibu bapa Hafiz Chong yang bukan Islam. Surau ini bernaung dibawah Yayasan Dakwah Islam (YADIM) Sabah.

SWADD telah melancarkan kutipan sumbangan surau tersebut dan hasilnya SWADD berjaya mengumpul dana sebanyak RM25,000.



KULIAH TAMAN SYURGA @ SWADD

KULIAH PERDANA



Ustaz Shahrizan Daud At-Turabi
"Musibah; Antara Kaffarah, Bala' & Ibtila'"
21 Januari 2020



Ustaz Nushi Mahfodz
"Integriti dalam Kerjaya "
18 Februari 2020

KULIAH ANTARABANGSA



Sohibul fadhilah Sheikh Muhammad Kurayyim Rajih
- Pakar Qiraat Syria / Ketua Ulamak Al-Quran Syria
"Nasihat Agama "
5 Mac 2020

KULIAH JUMAAT



Ustaz Muhadir Hj Joll
"Kitab: Hadis Amalan Sedikit Pahala Berganda"
Setiap Minggu Pertama



Ustaz Azhar Yahya
"Santunan Rasulullah Terhadap Non Muslim"
Setiap Minggu Kedua



Ustaz Zulkainain Hamzah
"Tabis Iblis"
17 Januari 2020



Ustaz Ustaz Tirmizi Ali
"Al-Quranku Sahabatku"
24 Januari 2020



Ustaz Muhammad Nazmi Karim
"Toriq bin Ziyad"
31 Januari 2020



Ustaz Shamsul Hakim
"6 tempat orang beriman mesti ada di sana"
21 Februari 2020



Ustaz Hassan Fadhill Abd Rahman
"Muafiq dan Masbuk"
28 Februari 2020



Ustaz Salehuddin Abu Samah
"Fiqh Solat"
18 September 2020



Ustaz Mohd Hafiz Abdul Khofiz
"Tazkirah Imam Al-Qurthubi"
25 September 2020



Ustaz Dr Muhamad Zuhaili Saiman
"Untung Dunia Akhirat"
30 Oktober 2020

KULIAH ZOHOR



Ustaz Abdul Rahim Nasir
Hari Isnin minggu pertama "Kitab Iman & Kehidupan"



Ustaz Haji Anuar Elias
Hari Selasa minggu pertama "Fiqh Muamalat : Fiqh Manhaji "



Ustaz Salehuddin Abu Samah
Hari Rabu minggu pertama "Fiqh Solat : Kitab al-Muktamad"



Ustaz Awang Mamat
Hari Kamis minggu pertama & ke-3 "Kitab Fiqh Keluargaan & Minhajul Abidin"



Ustaz I크am Badardin
Hari Isnin minggu ke-2 "Kitab Kehidupan Para Sahabat"



Ustaz Mohd Zaki Zulkifli
Hari Selasa minggu ke 2 "Kitab Adillatun Nurain"



Ustaz Haji Mohamad Faiz Ibrahim
Hari Rabu minggu ke-2 "Perubatan Islam"



Ustaz Haji Mohd Nazri Chik
Hari Kamis minggu ke-2 "Kitab Tafsir Ayat Ahkam As-Sobuni"



Ustaz Abdul Aziz Arof
Hari Isnin minggu ke-3 "Kitab Sirah Nabawiyah"



Ustaz Mohd Juzzaili Juhan
Hari Selasa minggu ke-3 "Kitab Bulugh al-Maram"



Ustaz Imam Muda Hafiz
Hari Rabu minggu ke-3 "Kitab Tazkirah Imam Qurthuby"



Ustaz Nor Raihan Aziz
Hari Kamis minggu ke-4 "Kitab Bahrul Maz'i"

DAURAH KITAB (ONLINE)



Ustaz Mohd Zaki Zulkifli | "Matan Safinatun Naja"
26 November -9 Disember 2020



Ustaz Nor Raihan Aziz | "Kitab Al-Azkar Imam Nawawi"
14 - 25 Disember 2020



BANK ISLAM

Sumbangan TABUNG DANA PEMBANGUNAN SWADD


Projek 1

**PEMBINAAN RUANG IMAM SOLAT JUMAAT
DI LOBI MENARA BANK ISLAM**

Pengenalan



Penyelesaian



SWADD menghadapi masalah limpahan jemaah Solat Jumaat sehingga ke aras 1, Menara Bank Islam.

Keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan pada Disember 2018, SWADD telah memutuskan untuk membina ruang solat imam di lobi bagi membolehkan para jemaah solat Jumaat di lobi Menara Bank Islam dalam keadaan sah menurut hukum.

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dalam mesyuarat ke 112 pada 14 November 2018 telah memutuskan penyelesaian seperti berikut;

1. Imam memimpin Solat Jumaat perlu dilakukan di hadapan SWADD Aras 1 berhampiran parking kereta.
2. Pihak SWADD perlu menyediakan alat-alat pembesar suara bagi memastikan maknum di semua bahagian mendengar suara imam dan pemancar skrin di bahagian yang tidak kelihatan khatib yang berkhutbah.

KOS KESELURUHAN
RM300,000

BANK ISLAM

14014010159254

TABUNG PEMBANGUNAN SWADD



PROJEK 1

SURAU SAAD ABI WAQAS, KAMPUNG KELULUD GOROWOT, KUALA PENYU, SABAH



KOS PEMBINAAN
RM50,000
TELAH SELESAI

Pihak SWADD mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penyumbang yang telah menyumbang untuk projek pembinaan Surau Saad Abi Waqas, Kampung Kelulud Gorowot Kuala Penyu Sabah ini.



BANK ISLAM


**RAMADAN FEST @ SWADD
KALI KE-7**
PEK BERBUKA PUASA
Pandu Lalu 

SWADD akan menganjurkan Ramadan Fest@SWADD berkonsepkan Pek Berbuka Pandu Lalu kepada orang awam di sekitar ibu kota.

Pek Berbuka Pandu Lalu akan dijalankan sepanjang hari Isnin - Jumaat sahaja pada bulan Ramadan kecuali hari minggu. SWADD akan menyediakan bungkusan makanan berbuka puasa kepada orang awam yang pulang daripada kerja.

Justeru, SWADD berbesar hati untuk menyeru pada jemaah untuk menyumbang dan menderma bagi tujuan program Pek Berbuka Pandu Lalu.

Sekiranya Tuan/Puan ingin menyumbang, boleh terus ke nombor akaun

BANK ISLAM

14014010146330

TABUNG SUMBANGAN SWADD

SEBARANG PERTANYAAN, HUBUNGI :

USTAZ SYAZWAN : 016-914 3749 | INFO SWADD : 010-849 6687

LAPORAN KEWANGAN

(JANUARI - DISEMBER 2020)

SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY
MENARA BANK ISLAM, TINGKAT B1
NO.22, JALAN PERAK, 50450 KUALA LUMPUR



PENYATA AURAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 2020

ITEM	NOTA	JAN '20 (RM)	FEB '20 (RM)	MAR '20 (RM)	APR '20 (RM)	MAY '20 (RM)	JUN '20 (RM)	JUL '20 (RM)	AUG '20 (RM)	SEP '20 (RM)	OCT '20 (RM)	NOV '20 (RM)	DIS '20 (RM)
Baki Tunai di Bank		695,107.18	756,819.65	774,200.41	707,919.56	674,069.21	591,384.88	566,225.00	520,816.13	524,247.70	514,578.94	508,686.22	461,864.24
Tambah : Penerimaan Tunai	1	123,949.00	104,155.00	41,092.00	-	-	8,373.00	14,949.00	14,070.00	30,311.00	23,582.00	7,816.00	5,722.00
Tabung Surau	2	84.00	292.00	89.00	24.00	174.00	267.00	80.00	454.00	419.00	247.00	60.00	9,531.72
Sumbangan Dan Derma	3	1,403.29	449.81	7,171.00	56.70	18,504.11	47.57	47.23	37,076.46	1,393.22	4,643.66	2,439.53	20,387.33
Jumlah Penerimaan Semasa		125,436.29	104,936.81	48,352.00	80.70	18,678.11	8,687.57	15,076.23	51,600.46	32,123.22	28,372.66	10,315.53	35,641.05
Tolak : Perbelanjaan Tunai	4	-	29,750.00	60,000.00	6,800.00	30,000.00	-	28.00	10,250.00	3,572.40	590.00	-	650.00
Alatulis & Cetakan	5	3,020.50	5,799.50	2,082.50	460.60	250.00	-	-	2,750.50	1,000.60	4,835.00	1,000.00	4,200.00
Bantuan & Sumbangan	6	1,800.00	-	-	-	-	-	-	4,649.80	887.40	-	-	8,300.50
Belanja Pelbagai	7	5,300.00	3,050.00	800.00	16,094.30	60,185.30	21,537.30	17,492.30	18,122.30	17,215.30	15,552.30	-	819.00
Belian Aset Surau	8	21,319.77	21,583.30	20,634.90	800.00	800.00	800.00	-	1,600.00	800.00	800.00	-	-
Jamuan Dan Kerjadian	9	10,800.00	9,400.00	11,300.00	4,800.00	1,800.00	-	-	2,700.00	2,800.00	4,200.00	5,350.00	-
Kawalan Keselamatan	10	2,879.50	7,950.00	7,950.00	10,145.00	12,050.00	7,950.00	9,297.74	10,450.00	7,950.00	7,950.00	800.00	19,564.85
Kos Pertugasan Surau	11	4,404.40	6,197.45	5,209.75	2,054.60	232.14	232.14	-	14,670.00	-	-	-	800.00
Kos Perlindungan	12	4,449.65	425.80	345.10	-	-	-	-	3,072.30	6,378.60	490.78	397.53	4,200.00
Majlis Caramah Dan Kuliah	13	63,723.82	87,556.05	114,632.85	33,931.05	101,362.44	33,847.45	60,485.10	48,168.89	41,791.98	34,265.38	57,137.51	48,282.30
Jumlah Perbelanjaan		756,819.65	774,200.41	707,919.56	674,069.21	591,384.88	566,225.00	520,816.13	524,247.70	514,578.94	508,686.22	461,864.24	449,222.59
Baki Tunai di Bank		254,430.41	256,674.97	256,674.97	258,636.95	258,636.95	24,329.03	24,635.03	38,816.63	2,665.72	260,201.53	260,201.53	261,546.02
Perbeluran Wafiyah	3,045.95	14,231.87	22,406.61	23,193.55	959.50	959.50	319.50	1,983.50	1,918.50	2,940.72	3,393.72	3,463.72	10.00
Akaun Sumbangan	1,174.50	-	-	-	-	-	-	-	-	464.17	375.42	1,899.05	-
Pengurusan Wang Runcit		1,015,470.51	1,046,281.75	987,960.64	954,897.23	875,310.36	849,816.48	820,253.21	789,033.45	778,185.36	772,556.89	728,773.03	710,779.01
Baki di Bank Dan Pelaburan													

Muhammad Nazir Adurrahman
Pendolong Pegawai Hartah Islam

Haji Syahriati Arifee Abdullah

Berdahari

Noor Rafidah Jacob

Pemeriksa Kira-Kira 1


Haji Siti Aziee Abdullah

Berdahari

Haji Siti Aziee Abdullah

SWADD @ MEDIA BARU

like | share | follow



A screenshot of the Facebook page for Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam. The cover photo shows the same banner as the website. The page name is "Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam". Below the cover, there's a post from "WhatsApp" with a link. The page has tabs for Home, About, Photos, Events, More, and a "Create Post" button. A message from "WhatsApp" is visible.



Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy,
Menara Bank Islam

An Instagram profile for "swadd_mbi". The bio reads: "Surau Wakaf Ahmad Dawjee" with links to Facebook and Website. It has 575 posts, 546 followers, and 27 following. There are three profile pictures showing the logo and a person. Below the bio are three thumbnail images of posts: one about the opening of a new branch, one for a donation drive, and one for a lecture.

instagram.com/swadd_mbi/



A screenshot of the YouTube channel for Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam. The channel name is "Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy Menara Bank Islam". It has tabs for HOME, VIDEOS, PLAYLISTS, CHANNELS, and ABOUT. Below the channel name, there are sections for "Created playlists" and "Liked videos". There are four video thumbnails: "DAURAH KITAB 40 HADIS PERISTIWA AKHIR ZAMAN" (20 views), "DAURAH KITAB AL AZKAR" (5 views), "DAURAH KITAB MATA SAFINATUN NAJA" (10 views), and "PERKONGSIAN SWADD" (32 views).



Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy,
Menara Bank Islam

A banner for the Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy website. It features the same blue and white geometric logo at the top left. The text "Selamat Datang | Ahlan Wasahlan | Welcome" is at the top center. Below it is the main title "Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy" in bold, followed by "Menara Bank Islam". There are several small images of the building and people. At the bottom, there's contact information: "Pejabat Pengurusan Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy Tingkat 15, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur 03-2164 6317 / 6318 | info@swadd.com.my | www.swadd.com.my". Below this is a "Like | Share | Follow" button.



www.swadd.com.my



twitter.com/swadd_mbi

